

Raja Mohar pahlawan bangsa – Abdullah

UM - 20/3/2007

KUALA LUMPUR 19 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Allahyarham Raja Tun Mohar Raja Badiozaman seorang 'Pahlawan Bangsa' yang banyak berjasa kepada negara dan bangsa.

Katanya, Raja Mohar dikenali sebagai seorang yang lemah lembut, peramah dan sentiasa merendah diri, berpengetahuan luas dalam bidang yang diceburi serta mempunyai integriti tinggi.

"Walaupun saya tidak mengenali sangat dan tidak boleh dianggap kawan, namun saya sentiasa mengaguminya sebagai seorang ketua yang mempunyai pandangan bernas dalam sebarang mesyuarat dipengerusikannya atau dianggotainya.

"Saya masih ingat sewaktu saya bertugas di Kementerian Belia, banyak pandangan Raja Mohar yang mempengaruhi dasar bagi kebaikan anak muda, begitu juga semasa saya di Kementerian Pelajaran.

"Sekiranya Raja Mohar tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, saya rasa sesuatu yang kurang dan berharap dalam mesyuarat akan datang, beliau dapat memberi pandangan," katanya ketika berucap di majlis Pelancaran Biografi Raja Tun Mohar Raja Badiozaman - *A Gracious Prince: The Pride Of The Nation* di sini hari ini.

Abdullah turut mengingati kembali sikap murni yang dimiliki oleh Raja Mohar semasa hayatnya.

Jelasnya, Raja Mohar sentiasa tenang, tidak pernah meninggi-

kan suara, marah atau menunjukkan tentangan secara terbuka terhadap pandangan yang tidak dipersetujuinya.

"Beliau juga seorang yang merendah diri, sebelum sempat kita tegur, dia sudah tegur kita.

"Selain itu, Raja Mohar juga sentiasa mengambil berat masalah orang miskin dan merancang kemajuan bagi meningkatkan golongan tersebut. Beliau bersikap adil dan memastikan semua berhak menerima segala bantuan dan sumbangan kerajaan," ujarnya.

Tambah Perdana Menteri, ketokohan dan keupayaan bekas Penasihat Ekonomi Negara itu semasa memegang jawatan dalam kerajaan menjadi aset kepadanya untuk memegang ketua pegawai eksekutif (CEO) dalam syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) seperti Malaysia Airlines System Bhd. (MAS), Petronas dan Tabung Haji.

"Itulah Raja Mohar yang saya tahu. Oleh sebab itu, beliau sentiasa diberi pelbagai tugas dalam perkhidmatan awam dan selepas bersara, beliau masih diberi tugas dalam GLC," katanya.

Biografi berharga RM250 hingga RM1,000 karya Profesor Sejarah Universiti Malaya, Profesor Datuk Khoo Kay Kim itu menyingkap mengenai kehidupan Allahyarham yang tidak diketahui oleh generasi muda iaitu peranannya semasa menjadi pegawai kerajaan, sebagai penasihat ekonomi negara dan CEO GLC.